



MOD.100-2/1/2 Jld 6 (75) 03/11

**PEMBANGUNAN BAKAT ESPORTS DI PERINGKAT SEKOLAH DALAM KEM
CETUS EKOSISTEM BAHARU DIKALANGAN ANAK WARGA KERJA
PERTAHANAN**

1. **MELAKA, 7 November 2024** – Timbalan Menteri Pertahanan, YB Adly Zahari telah merasmikan **Pertandingan Sukan Elektronik (Esports)** Sekolah Dalam Kem (SDK) Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kem Terendak, Melaka, hari ini.
2. Program *Esports* ini adalah merupakan inisiatif baharu Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) yang diilhamkan oleh Timbalan Menteri Pertahanan sendiri dalam **memperkasakan pendidikan Esports bagi anak-anak Warga Kerja Pertahanan (WKP)** serta **memupuk bakat dan minat dalam bidang Esports yang semakin berkembang pesat**.
3. Pertandingan ini berlangsung selama dua hari, pada **6 dan 7 November 2024** melibatkan **Majlis Sukan Angkatan Tentera (MSAT)** yang disiarkan secara langsung melalui laman sosial - *Esports Malaysian Armed Forces* melibatkan pelajar-pelajar di SDK ATM bagi tontonan umum. Keseluruhan peserta melibatkan seramai 128 orang pelajar dari tingkatan 1 hingga 4 yang dipecahkan kepada 32 kumpulan menyertai pertandingan ini melibatkan permainan jenis *Player Unknown's Battlegrounds (PUBG Mobile)*.
4. Program ini bertujuan memberikan **pendedahan kepada ekosistem baharu melalui pameran industri dengan bantuan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan - Esports Integrated (ESI) dan GamesBond International Sdn Bhd** serta berkeupayaan menampilkan atlet *Esports* di peringkat kebangsaan. Melalui inisiatif ini, pendedahan mengenai hala tuju *Esports* kepada pelajar sekolah akan dapat **direalisasikan dengan bantuan program National Esports Development Guideline (NESDEG)**.
5. Selain itu, inisiatif ini juga **memberi fokus kepada peningkatan penglibatan kekeluargaan dan seluruh komuniti masyarakat dalam mewujudkan ekosistem Esports di kalangan anak-anak WKP selari dengan pembangunan pesat Esports pada masa kini**. Program ini juga menyediakan insentif hadiah wang terkumpul RM8,500.00 bagi anak-anak WKP yang terlibat.
6. Selaras dengan Teras Ketiga dan Keempat Pelan Strategik MINDEF 2021-2025 (Pelestarian Kesejahteraan WKP dan Pengukuhan Kerjasama Awam-Tentera), **Kementerian Pertahanan komited dalam menyediakan kemudahan pendidikan sebagai usaha Kerajaan dalam menjamin kesejahteraan anak-anak WKP**. Program ini bukan sahaja memupuk persaingan yang sihat, ia juga membantu membangunkan kemahiran akademik dan kebolehan pelajar secara serba boleh serta holistik, dengan tujuan membina laluan kerjaya yang lebih jelas dan terancang.

7. Selain itu, penganjuran kejohanan *Esports* ini turut mendapat tajaan daripada Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN), Tenaga Nasional Berhad, Boustead Petroleum Marketing Sdn Bhd, Perbadanan Perwira Niaga Malaysia, Yayasan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan PUBG Malaysia.
8. Turut hadir dalam kerjasama program tersebut adalah Panglima 1 Briged; Brigadier Jeneral Zamri bin Othman, Ketua Staf Markas Pemerintahan Pendidikan dan Latihan Udara; Brigadier Jeneral Norazman bin Ismail TUDM, Komander Artileri 3 Divisyen; Brigadier Jeneral Khairul Izan bin Muhammad Suffian, Ketua Staf Am Markas 10 Briged (PARA); Leftenan Kolonel Zulkifli bin Raub, Ketua Eksekutif Yayasan Lembaga Tabung Angkatan Tentera; Dato' Mohd Nizar bin Haji Sudin, Pengerusi Sukan Dalam Majlis Sukan Angkatan Tentera; Kolonel Mohd Zulhairi bin Mohd Noor, Timbalan Pengarah Pendidikan Negeri Melaka; Encik Jamsari bin Mariman, Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Alor Gajah; Encik Mohd Hamka bin Dolah, Guru Penolong Kanan Pentadbiran SMK Kem Terendak; Puan Talizah binti Tahir; guru-guru dan pelajar SMK Kem Terendak, Melaka.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

**Kementerian Pertahanan Malaysia
7 November 2024**